

# FKI UMS anjur Bengkel Penilaian Silabus


LABUAN: Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel Penilaian Silabus untuk Program eUsahawan dengan bimbingan pihak Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) di sini.

Bengkel itu bertujuan menganalisis dan mencadangkan penambahbaikan kepada silabus yang ada supaya dapat disesuaikan dengan program eUsahawan yang berjalan di institusi pengajian tinggi yang lain di Malaysia.

Dekan FKI Profesor Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim mempengerusikan bengkel berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Dekan (Akademik & HEP) Dr Zamhar Iswandono Awang Ismail, Ketua Program Komputeran Perniagaan Dr Joe Henry Obit, Ketua Program Teknologi Multimedia Dr Carolyn Salimun serta pensyarah yang lain.

Sementara pihak MDEC telah diwakili oleh Eksekutif Kanan Kluster Inisiatif Belia dan Komuniti Nur Balkis Amairuddin bersama



**AG Asri (tiga kanan) dan Nur Balkis (tiga kiri) bersama pensyarah FKI dan pegawai MDEC yang menjayakan bengkel itu.**

rombongannya Azlinda Mohd Hairon, Sarah Farhana Juhari, Muhammad Zulhilmu Shharuddin dan Rosmizan Ali.

Ag Asri berkata program eUsahawan merupakan

program peringkat kebangsaan yang memberi pendedahan dan memurnikan inspirasi keusahawanan digital dalam kalangan belia Malaysia dan para usahawan mikro untuk menjana pendapatan lumayan

menerusi platform digital.

Katanya, FKI melalui program-programnya telah melahirkan ramai graduan yang terlibat dalam Ekonomi Digital, termasuklah usahawan e-dagang.